

INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)www.ijmo.comFAKTOR - FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KUALITI
RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH) BAGI MURID
BERMASALAH PENDENGARAN*FACTORS INFLUENCING THE QUALITY OF DAILY LESSON PLANS (RPH) FOR
STUDENTS WITH HEARING IMPAIRMENTS*Murugesu Supermaniam^{1*}, Norfatin Faizah Hamdan^{2*}¹ School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Email: murugesu@usm.my

² School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Email: fatinfaizah_93@student.usm.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 16.04.2025

Revised date: 30.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 16.06.2025

To cite this document:

Supermaniam, M., & Hamdan, N. F. (2025). Faktor - Faktor Yang Mempengaruhi Kualiti Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Bagi Murid Bermasalah Pendengaran. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 572-591.

DOI: 10.35631/IJMOE.725039

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi sesi pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pendengaran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif dan melibatkan seramai 10 orang guru pendidikan khas di sekolah rendah dan menengah yang sedang atau pernah mengajar murid bermasalah pendengaran. Instrumen kajian berbentuk soal selidik merangkumi skala Likert dan soalan terbuka, dan data dianalisis melalui statistik deskriptif serta analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa beberapa faktor utama mempengaruhi kualiti RPH, antaranya kekurangan latihan profesional, keterbatasan bahan bantu mengajar, pengurusan masa yang tidak mencukupi, kekangan penggunaan teknologi, dan tahap sokongan pentadbiran. Implikasi kajian mencadangkan keperluan kepada latihan guru yang berfokus, akses kepada sumber pengajaran yang sesuai, serta sistem sokongan yang menyeluruh di peringkat sekolah. Kajian ini menyumbang kepada penambahbaikan amalan perancangan pengajaran pendidikan khas, khususnya bagi meningkatkan keberkesanan PdP murid bermasalah pendengaran di Malaysia.

Kata Kunci:

Rancangan Pengajaran Harian, Murid Bermasalah Pendengaran, Latihan Profesional Guru, Bahan Bantu Mengajar, Sokongan Pentadbir

Abstract:

This study aims to identify the factors influencing the quality of Daily Lesson Plan (RPH) preparation in the teaching and learning process for students with hearing impairments. Employing a descriptive quantitative design, the study involved ten (10) special education teachers from primary and secondary schools who are currently teaching or have experience teaching students with hearing impairments. Data were collected using a structured questionnaire comprising Likert-scale items and open-ended questions. The responses were analyzed using descriptive statistics and basic thematic analysis. The findings revealed key factors influencing RPH quality, including inadequate professional training, limited access to appropriate teaching aids, insufficient time management, technological constraints, and a lack of administrative support. The study highlights the urgent need for focused professional development, access to tailored teaching resources, and stronger institutional support systems. This research contributes to improving instructional planning practices in special education, particularly in enhancing the teaching effectiveness for students with hearing impairments in the Malaysian context.

Keywords:

Daily Lesson Plan, Hearing-Impaired Students, Teacher Professional Training, Teaching Aids, Administrative Support

Pengenalan

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) merupakan satu dokumen penting dalam amalan pengajaran harian guru. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai panduan pelaksanaan pengajaran, malah menjadi asas dalam memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai secara sistematik dan berkesan. Namun demikian, RPH bagi guru pendidikan khas yang mengajar murid bermasalah pendengaran perlu disediakan secara lebih teliti dan spesifik, terutamanya dalam aspek penyesuaian bentuk komunikasi, pemilihan bahan bantu visual, serta aktiviti pembelajaran yang boleh menyokong kefahaman murid secara berkesan.

Perkara ini selaras dengan Teori Sosio-Konstruktivisme oleh Lev Vygotsky, yang menekankan bahawa pembelajaran berlaku secara optimum apabila guru merancang aktiviti dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) murid, iaitu jurang antara apa yang murid boleh lakukan secara sendiri dan apa yang mereka boleh lakukan dengan sokongan. Dalam konteks murid bermasalah pendengaran, guru berperanan sebagai fasilitator utama yang perlu menyediakan aktiviti pengajaran yang sesuai dengan tahap perkembangan kognitif dan keperluan komunikasi murid. RPH yang berkualiti memainkan peranan penting dalam mengenalpasti keperluan ini dan membina langkah-langkah intervensi secara terancang.

Misalnya, guru perlu memasukkan unsur visual scaffolding dalam RPH seperti penggunaan infografik, gambar bersiri, video, atau isyarat tangan yang dapat menyokong pemahaman murid terhadap isi pengajaran. Di samping itu, pembimbing rakan sebaya yang lebih fasih dalam bahasa isyarat juga boleh digunakan sebagai agen sokongan dalam bilik darjah, membantu menyampaikan maklumat dalam bentuk yang mudah difahami oleh murid lain.

Melalui pendekatan ini, guru bukan sahaja menyesuaikan isi kandungan pengajaran, malah membina ruang kolaboratif dalam proses pembelajaran.

Selain aspek visual dan komunikasi, guru juga perlu memastikan RPH memberi peluang kepada murid untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti bermakna, selari dengan prinsip pembelajaran berasaskan pengalaman yang dianjurkan oleh Vygotsky. Murid bermasalah pendengaran menghadapi kesukaran menerima input auditori secara langsung; justeru, perancangan RPH perlu menekankan penggunaan alat bantu visual, bahasa isyarat, ekspresi wajah, gerak tubuh, serta latihan praktikal untuk meningkatkan kefahaman mereka.

Dengan mengambil kira semua faktor ini, dapat dirumuskan bahawa kualiti RPH yang dirancang secara responsif dan adaptif akan menjadi penentu kepada sejauh mana pengajaran yang berkesan dapat dilaksanakan kepada murid bermasalah pendengaran. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penyediaan RPH bagi golongan ini dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan ke arah pengajaran yang lebih inklusif dan menyeluruh.

Kajian ini digerakkan oleh tiga persoalan utama, iaitu:

1. Apakah faktor yang mempengaruhi kualiti RPH bagi murid bermasalah pendengaran?
2. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru dalam merancang dan menyediakan RPH?
3. Apakah cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk mempertingkatkan kualiti RPH tersebut?

Kepentingan menghasilkan RPH yang berkualiti dapat memberi impak yang besar kepada guru, murid dan juga bidang pendidikan khas secara keseluruhannya. Guru dapat memahami dengan lebih mendalam keperluan dan cabaran sebenar dalam menyediakan RPH yang efektif, manakala murid akan menerima manfaat secara langsung melalui pengajaran yang lebih tersusun dan sesuai dengan keperluan mereka. Manakala bagi pihak pentadbir dan sekolah, hasil kajian ini boleh dijadikan asas dalam membentuk polisi latihan guru, memperbaiki sistem sokongan, serta memperkasa peranan sekolah dalam menyokong guru pendidikan khas secara menyeluruh.

Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) oleh guru pendidikan khas yang mengajar murid bermasalah pendengaran. Kajian ini juga bertujuan untuk meneroka cabaran yang dihadapi guru dalam merancang RPH dan mencadangkan langkah penambahbaikan ke arah amalan pengajaran yang lebih responsif dan inklusif.

Tinjauan Literatur

Kajian terdahulu telah mengenal pasti pelbagai isu yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dalam pendidikan khas, terutamanya berkaitan latihan guru, penggunaan bahan bantu, teknologi, dan sokongan institusi. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian ini menumpukan kepada aspek-aspek tersebut secara berasingan tanpa mengaitkannya secara menyeluruh dalam konteks penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) untuk murid bermasalah pendengaran. Tambahan pula, masih kurang kajian yang mengaplikasikan teori pembelajaran dan model instruksional secara eksplisit dalam menilai amalan perancangan pengajaran guru pendidikan khas. Oleh itu, ulasan ini akan meneliti dapatan kajian lampau dalam lima tema utama yang relevan untuk memahami jurang yang masih wujud.

Kajian antarabangsa turut menekankan kepentingan faktor kontekstual dalam pelaksanaan pendidikan khas untuk murid bermasalah pendengaran. Sebagai contoh, Kanwal et al. (2024) mendapati bahawa visi institusi dan sokongan pentadbiran adalah kritikal dalam kejayaan program pendidikan khas di Pakistan. Selain itu, Villarente dan Donayre (2025) menerangkan strategi pengajaran yang efektif, seperti penggunaan bahan bantu visual dan peranti pendengaran bantuan, dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran untuk murid dengan masalah pendengaran. Di Kenya, kajian menunjukkan bahawa latihan khas untuk guru mempunyai kesan positif terhadap prestasi akademik murid pekak (Maithya et al., 2025). Dapatan-dapatan ini selari dengan keperluan untuk memperkukuh latihan guru dan sokongan institusi dalam konteks tempatan.

Latihan Profesional Guru Pendidikan Khas

Namun begitu, kebanyakan kajian yang dibincangkan hanya menekankan keperluan latihan, tanpa menilai keberkesanan langsung latihan tersebut terhadap kualiti RPH sebenar yang dihasilkan oleh guru. Justeru, impaknya terhadap amalan pengajaran masih belum dikaji secara menyeluruh.

Latihan profesional merupakan aspek penting yang mempengaruhi kecekapan guru dalam merancang Rancangan Pengajaran Harian (RPH), khususnya dalam konteks murid bermasalah pendengaran (MBPK). Kajian oleh Majid dan Abdul Majid (2022) serta Saputri (2023) menunjukkan bahawa ramai guru pendidikan khas tidak menerima latihan yang khusus dan berterusan berkaitan pedagogi murid berkeperluan khas. Ini selari dengan dapatan oleh Mulfajril et al. (2023) yang menekankan keperluan guru menguasai teknik komunikasi visual, penggunaan bahasa isyarat, dan penyusunan strategi pengajaran visual. Sintesis daripada kajian-kajian ini menunjukkan bahawa kekurangan latihan profesional bukan sahaja menjejaskan kebolehan guru menyediakan RPH yang berkualiti, malah memberi kesan kepada keberkesanan pengajaran secara keseluruhan (Yusri, 2017).

Walaupun kesesuaian bahan bantu diakui penting, kajian-kajian ini tidak memberi tumpuan terhadap strategi pemilihan atau penciptaan BBM khusus untuk murid bermasalah pendengaran, menjadikan penemuan terdahulu agak umum dan tidak praktikal sepenuhnya dalam konteks khas ini.

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Kualiti RPH juga berkait rapat dengan ketersediaan dan kesesuaian bahan bantu mengajar, terutama dalam menyokong gaya pembelajaran visual MBPK. Kajian oleh Rosalina (2020) menekankan peranan bahan bantu visual dalam meningkatkan kefahaman murid terhadap kandungan pembelajaran. Namun, Subehan et al. (2022) melaporkan bahawa beban kerja tinggi dan kekangan masa menyebabkan guru sukar menyediakan bahan bantu yang sesuai secara konsisten. Secara perbandingan, dapatan ini menunjukkan bahawa kekurangan bahan bantu bukan sahaja berpunca daripada sumber fizikal, tetapi juga kelemahan dalam pengurusan masa dan sokongan institusi. Maka, perancangan RPH yang bergantung kepada bahan bantu visual akan terjejas jika guru tidak mempunyai akses mudah atau masa mencukupi untuk menyediakannya (Alias & Mohamad Suhaimi, 2022).

Kajian-kajian lalu lebih banyak menekankan potensi teknologi berbanding menilai pengaplikasiannya secara praktikal oleh guru dalam penyediaan RPH. Hal ini menunjukkan wujudnya jurang antara teori dan pelaksanaan sebenar di bilik darjah pendidikan khas.

Integrasi Teknologi Pendidikan

Walaupun ada kajian yang mengetengahkan pentingnya sokongan institusi, kebanyakan daripadanya tidak memperincikan bentuk sokongan yang benar-benar berkesan dan berdaya saing dalam konteks pendidikan khas pendengaran. Ini menunjukkan keperluan kajian yang lebih tertumpu dan kontekstual.

Kajian kontemporari seperti oleh Zaharudin, Rozniza and Lee Lay Wah (2022) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi seperti perisian interaktif dan visualisasi digital mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran murid MBPK. Teknologi membolehkan isi pelajaran disampaikan secara lebih interaktif dan mesra visual, sejajar dengan keperluan komunikasi murid yang bergantung kepada input bukan auditori (Roslin & Salleh, 2021). Namun, tahap penguasaan teknologi dalam kalangan guru masih tidak seimbang. Abdullah et al. (2021) pula menekankan bahawa kekangan kemudahan dan kurangnya latihan teknologi menyebabkan guru tidak dapat memanfaatkan potensi digital dalam perancangan pengajaran harian mereka. Ini mencerminkan keperluan sokongan sistematik dalam memperkasa penggunaan teknologi secara menyeluruh di peringkat sekolah.

Sebahagian besar kajian lampau hanya menyentuh secara umum tentang penggunaan teori dan model pengajaran tanpa memberi gambaran jelas bagaimana teori ini diintegrasikan dalam penyediaan RPH secara praktikal. Ini menimbulkan keperluan kajian semasa yang lebih aplikasi dan realistik.

Sokongan Pentadbiran dan Kolaborasi Profesional

Sokongan institusi, termasuk pentadbiran sekolah dan peluang kolaboratif antara guru, merupakan faktor penting dalam penyediaan RPH berkualiti. Abdullah et al. (2021) mendapati bahawa guru yang diberi ruang perancangan bersama, akses kepada bahan pengajaran, serta bimbingan daripada pihak pentadbir, lebih bersedia dan kreatif dalam merancang pengajaran. Dalam konteks pendidikan khas, sokongan ini harus merangkumi pemahaman pentadbiran terhadap keperluan unik MBPK, termasuk peruntukan masa, sumber, dan latihan pakar (Majid & Abdul Majid, 2022).

Teori dan Aplikasi RPH dalam Pendidikan Khas

Teori Sosio-Konstruktivisme Vygotsky memberikan asas penting dalam merancang pengajaran yang bersifat responsif terhadap keperluan individu murid. Konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) menganjurkan penggunaan bahan dan strategi yang membina kefahaman murid dengan sokongan sosial. Selain itu, Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE (Analyze, Design, Develop, Implement, Evaluate) boleh membantu guru membina RPH secara lebih sistematik dan reflektif. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian lepas hanya menyentuh penggunaan model-model ini dalam konteks umum, tanpa mengaplikasikannya secara mendalam kepada pembangunan RPH untuk murid bermasalah pendengaran.

Berdasarkan ulasan literatur ini, dapat disimpulkan bahawa aspek latihan profesional, bahan bantu mengajar, teknologi pendidikan, dan sokongan pentadbiran merupakan faktor penting dalam penyediaan RPH yang berkualiti. Namun, belum ada kajian yang meneliti interaksi antara kesemua faktor ini secara holistik dalam konteks murid bermasalah pendengaran di Malaysia. Di sinilah kajian ini mengambil tempat untuk mengisi jurang yang dikenal pasti.

Jurang Penyelidikan

Walaupun kajian-kajian terdahulu telah membincangkan isu-isu berkaitan latihan guru, bahan bantu, teknologi dan sokongan institusi secara berasingan, belum terdapat kajian yang secara empirikal dan holistik menilai kesan faktor-faktor ini terhadap kualiti penyediaan RPH dalam konteks murid bermasalah pendengaran di Malaysia. Tambahan pula, kajian terdahulu kurang mengaitkan dapatan mereka secara sistematik dengan aplikasi teori pendidikan dan reka bentuk pengajaran. Tinjauan ini menunjukkan bahawa faktor dalaman (kemahiran guru, latihan, masa) dan faktor luaran (sokongan pentadbiran, bahan bantu, teknologi) saling berinteraksi dalam menentukan kualiti RPH guru pendidikan khas. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara komprehensif faktor-faktor yang mempengaruhi RPH, serta menyediakan cadangan penambahbaikan yang praktikal dan kontekstual untuk guru MBPK.

Kerangka Konseptual Dan Teoritis

Kajian ini dijalankan melalui dua pendekatan utama iaitu Teori Sosio-Konstruktivisme oleh Vygotsky dan Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE sebagai asas teori dan kerangka konseptual dalam menganalisis isu penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi murid bermasalah pendengaran.

Teori Sosio-Konstruktivisme (Lev Vygotsky)

Vygotsky menekankan bahawa pembelajaran berlaku secara sosial melalui interaksi dengan individu yang lebih berpengetahuan, dan proses ini berlaku paling efektif dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD). ZPD bermaksud jurang antara apa yang murid boleh lakukan sendiri dan apa yang mereka boleh lakukan dengan bantuan. Dalam konteks murid bermasalah pendengaran, guru berperanan sebagai pembimbing yang perlu merancang pengajaran (melalui RPH) mengikut keperluan komunikasi dan tahap perkembangan kognitif murid. Sehubungan dengan itu, penggunaan pendekatan visual, bahasa isyarat, serta bahan bantu khusus adalah penting dalam menyokong proses pembelajaran murid dalam ZPD mereka. Maka, teori ini membantu menganalisis kepentingan perancangan pengajaran yang responsif dan adaptif, iaitu menyediakan RPH yang mengambil kira keperluan murid secara individu dan tidak sekadar berasaskan sukatan pelajaran umum.

Model ADDIE (Analyze, Design, Develop, Implement, Evaluate)

Model ADDIE pula digunakan sebagai asas struktur perancangan pengajaran yang sistematik. Ia terdiri daripada lima fasa iaitu:

- i. *Analyze* – mengenal pasti keperluan dan profil murid.
- ii. *Design* – merancang isi kandungan dan strategi.
- iii. *Develop* – membina bahan pengajaran dan RPH.
- iv. *Implement* – melaksanakan pengajaran berdasarkan RPH.
- v. *Evaluate* – menilai keberkesanan RPH dan pengajaran.

Melalui model ini, penyediaan RPH dapat dilihat sebagai proses yang berterusan, bukan sekadar keperluan pentadbiran. Dalam konteks kajian ini, model ADDIE membantu penyelidik menganalisis tahap perancangan guru, sejauh mana guru mengikuti proses analisis dan penilaian semula dalam penyediaan RPH mereka.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif eksploratori, bertujuan untuk menyelidik secara mendalam faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi murid bermasalah pendengaran (MBPK). Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami pengalaman, persepsi, dan cabaran sebenar guru dalam konteks pendidikan khas, serta menangkap nuansa interaksi antara pelbagai faktor yang tidak mudah dikuantifikasikan secara statistik semata-mata.

Instrumen kajian terdiri daripada borang soal selidik berstruktur yang merangkumi item-item skala Likert (tertutup) untuk mendapatkan kecenderungan umum, serta soalan terbuka yang membolehkan guru menyatakan pandangan dan pengalaman mereka secara naratif. Pendekatan ini membolehkan triangulasi data bagi mengenal pasti tema utama berdasarkan kedua-dua maklum balas bersifat kuantitatif dan naratif.

Sampel Kajian

Seramai 10 orang guru pendidikan khas dari sekolah rendah dan menengah di Malaysia yang sedang atau pernah mengajar murid bermasalah pendengaran telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan peserta dibuat secara pensampelan bertujuan (purposive sampling) berdasarkan kriteria berikut:

- i. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu tahun mengajar MBPK
- ii. Terlibat secara aktif dalam penyediaan RPH di peringkat sekolah

Walaupun jumlah sampel adalah kecil, ia dianggap mencukupi dalam konteks kajian kualitatif kerana tahap homogeniti yang tinggi dalam kalangan responden (iaitu latar belakang pendidikan khas yang sama, konteks pengajaran yang serupa, dan tumpuan khusus kepada MBPK). Tambahan pula, saturation data telah dicapai apabila tema utama berulang dan tiada maklumat baharu muncul daripada analisis naratif responden.

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui borang soal selidik dalam talian melalui *platform Google Form*. Soal selidik tersebut terdiri daripada tiga bahagian utama:

1. Bahagian A: Maklumat demografi responden
2. Bahagian B: Item skala Likert berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti RPH (latihan, bahan bantu, masa, sokongan, teknologi).

Skala	Poin
Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Tidak pasti	3
Setuju	4
Sangat setuju	5

3. Bahagian C: Soalan terbuka berkaitan cabaran dan cadangan penambahbaikan penyediaan RPH.
Soalan dibina berdasarkan kesesuaian kajian konteks murid bermasalah pendengaran.

Analisis Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis statistik deskriptif bagi menganalisis data kuantitatif yang diperoleh daripada item-item skala Likert dalam soal selidik. Manakala bagi data yang bersifat kualitatif (soalan terbuka) dianalisis menggunakan analisis tematik ringkas, iaitu mengenal pasti tema utama berdasarkan jawapan responden terhadap cabaran dan cadangan.

Analisis Statistik Deskriptif (Data Kuantitatif)

Data kuantitatif dianalisis menggunakan *Microsoft Excel*, di mana nilai min, peratusan dan taburan skor responden dikira bagi setiap item dalam Bahagian B soal selidik. Tujuannya adalah untuk memberi gambaran awal tahap persepsi umum guru terhadap isu yang dikaji, bukan untuk membuat inferens statistik. Melalui analisis ini, tahap persetujuan guru terhadap faktor-faktor seperti latihan profesional, kekangan masa, bahan bantu mengajar, sokongan pentadbiran, dan penggunaan teknologi dapat dikenalpasti.

Analisis Tematik Naratif (Data Kualitatif)

Jawapan bagi soalan terbuka dianalisis secara manual menggunakan kaedah tematik. Proses ini melibatkan:

- i. Pembacaan berulang jawapan responden
- ii. Pengekodan tema awal berdasarkan kata kunci
- iii. Pengelompokan ke dalam tema-tema utama seperti: “latihan profesional”, “teknologi”, “sokongan pentadbiran”
- iv. Contoh pengkodan:
 - a. “*Saya perlu menggunakan alat teknologi seperti Canva dan video...*”
dikategorikan di bawah tema *Bahan bantu berasaskan teknologi*
 - b. “*Pada pendapat saya, sokongan tambahan yang diperlukan ialah latihan profesional, bimbingan daripada pakar pendidikan khas, serta kerjasama dengan jurubahasa isyarat atau pembantu pengurusan murid.*” dikelaskan di bawah tema “Latihan profesional”.

- c. “*Saya perlu menggunakan alat teknologi seperti canva , video dan sebagainya bagi meningkatkan kualiti RPH “ Bahan bantu mengajar ”.*

Melalui gabungan kedua-dua kaedah analisis ini, kajian dapat mengenal pasti dengan lebih jelas faktor-faktor utama yang memberi kesan kepada kualiti RPH. Data kuantitatif membantu menggambarkan tahap keseluruhan persetujuan guru, manakala data kualitatif memberi gambaran yang lebih mendalam tentang pengalaman sebenar dan cabaran di lapangan.

Kebolehpercayaan dan Kesahan

Bagi meningkatkan kesahan dalaman kajian, instrumen soal selidik dibangunkan berdasarkan literatur semasa dan diteliti oleh dua orang pakar dalam bidang pendidikan khas untuk memastikan kesesuaian kandungan. Untuk meningkatkan kebolehpercayaan analisis tematik, kaedah semakan rakan penyelidik (peer debriefing) digunakan bagi mengesahkan tema yang dikenal pasti.

Reka bentuk kajian kes kualitatif ini sesuai dengan objektif eksploratori yang ingin memahami secara mendalam isu-isu penyediaan RPH oleh guru MBPK. Gabungan data kuantitatif deskriptif dan naratif kualitatif membolehkan kajian ini memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dalam konteks pendidikan khas pendengaran.

Dapatan Kajian

Seramai 10 orang guru pendidikan khas telah terlibat dalam kajian ini. Responden terdiri daripada guru-guru yang sedang atau pernah mengajar murid bermasalah pendengaran di sekolah rendah dan menengah. Majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar adalah dalam kurang 5 tahun. Dari segi jantina, majoriti responden adalah 9 orang guru perempuan dan seorang guru lelaki. Majoriti jantina ini menunjukkan bahawa ia selaras dengan *trend* jantina dalam bidang pendidikan di Malaysia. Berdasarkan tinjauan deskriptif yang dilakukan, beberapa faktor utama telah dikenal pasti sebagai penyebab yang mempengaruhi kualiti penyediaan RPH guru pendidikan khas. Dapatan kajian dibahagikan kepada dua bahagian utama: (1) analisis statistik deskriptif bagi item-item skala Likert, dan (2) analisis tematik bagi jawapan terbuka. Gabungan kedua-dua bentuk data ini memberi gambaran menyeluruh tentang faktor-faktor utama yang mempengaruhi penyediaan RPH bagi murid bermasalah pendengaran.

Analisis Statistik Deskriptif

Lima faktor utama telah dianalisis berdasarkan skor min dan peratusan persetujuan responden seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kualiti RPH

Faktor	Min Skor	Peratusan Setuju/Sangat Setuju (%)
Latihan Profesional	4.2	60%
Bahan Bantu Mengajar	4.5	60%
Pengurusan Masa	4.7	60%
Sokongan Pentadbiran	4.6	60%
Penggunaan Teknologi	4.0	60%

Sumber: (Hasil Kerja Penulis)

Dapatan menunjukkan bahawa *pengurusan masa* mencatatkan purata skor tertinggi ($M = 4.7$), dengan 90% responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa masa yang terhad menjadi kekangan utama dalam menyediakan RPH yang berkualiti. Faktor *sokongan pentadbiran* turut memperoleh skor tinggi ($M = 4.6$), dan semua responden (100%) menyatakan bahawa sokongan pihak pentadbiran sekolah sangat penting dalam memperkukuh penyediaan RPH.

Faktor *bahan bantu mengajar* juga menunjukkan tahap pengaruh yang tinggi ($M = 4.5$), diikuti oleh *latihan profesional* ($M = 4.2$), di mana hanya 60% responden menyatakan mereka menerima latihan khusus berkaitan pengajaran MBPK. Faktor *penggunaan teknologi* memperoleh skor paling rendah ($M = 4.0$), menunjukkan wujudnya jurang kemahiran atau kemudahan teknologi dalam kalangan guru pendidikan khas.

Analisis Tematik Jawapan Terbuka

Dapatan kualitatif dianalisis secara tematik dan diringkaskan dalam Jadual 2. Beberapa tema utama telah dikenal pasti:

Jadual 2: Tematik Dapatan Kualitatif Berdasarkan Soalan Terbuka

Tema Utama	Subtema	Petikan Responden
Latihan Profesional	Kekurangan bengkel bahasa isyarat dan strategi visual	“Saya tidak pernah terima kursus khusus untuk MBPK.”
Bahan Bantu Mengajar	Visual interaktif tidak mencukupi, perlu cipta sendiri	“Sekolah tiada bahan visual, saya buat sendiri.”
Pengurusan Masa	Gangguan waktu akibat tugas luar bilik darjah	“Banyak program sekolah ganggu masa RPH.”
Sokongan Pentadbiran	Pentadbiran kurang faham keperluan MBPK	“Pentadbir lebih fokus murid arus perdana.”
Penggunaan Teknologi	Kekurangan aplikasi dan kemahiran teknologi	“Saya tak tahu guna perisian yang sesuai.”

Sumber: (Hasil Kerja Penulis)

Latihan Profesional

Latihan profesional merupakan antara faktor penting yang menyumbang kepada peningkatan kualiti penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), khususnya dalam konteks murid bermasalah pendengaran (MBPK) yang memerlukan strategi pengajaran berbeza dan sokongan khusus. Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, sebanyak 60 peratus bersamaan 4 orang responden bersetuju dan 2 orang responden sangat bersetuju bahawa kekurangan latihan kursus dalam bidang masalah pendengaran akan memberi kesan dalam sesi penyediaan RPH dan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Guru menyatakan kekurangan pendedahan kepada bengkel atau kursus berkaitan bahasa isyarat, strategi pengajaran visual, dan perancangan RPH khusus untuk MBPK. Salah seorang responden menyebut, “*Saya tidak pernah terima kursus khusus untuk MBPK.*”. Hal ini dikatakan demikian kerana, latihan berkala yang lebih terfokus pada penggunaan bahasa isyarat, bengkel RPH, strategi pengajaran visual dan pendekatan komunikasi alternatif akan memberi pengetahuan yang mendalam dan jelas kepada guru dalam memberi kemahiran untuk menyusun RPH yang lebih terancang dan bersesuaian dengan keperluan murid bermasalah pendengaran. Jelaslah di sini bahawa latihan profesional kepada

guru MBPK adalah sangat penting dan harus sering dilaksanakan agar guru-guru sentiasa dapat meningkatkan kemahiran guru.

Bahan Bantu Mengajar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahan bantu mengajar atau (BBM) merupakan perkara penting yang perlu ada dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, kekurangan bahan bantu yang sesuai adalah penghalang utama dalam menghasilkan RPH yang berkualiti. “Sekolah tiada bahan visual, saya buat sendiri.”. Keadaan ini dinyatakan demikian kerana, bahan bantu mengajar dapat membantu dalam meningkatkan pemahaman pengajaran murid bermasalah pendengaran. Sehubungan dengan itu, kekurangan bahan bantu ini juga menyebabkan guru-guru perlu menghasilkan bahan sendiri kerana kurangnya sumber tersedia yang sesuai untuk murid pendengaran, dan hal ini secara tidak langsung telah menambah beban kerja guru. Oleh hal yang demikian, perkara ini juga mengganggu guru dalam menghasilkan RPH yang berkualiti kerana guru membuat RPH dalam keadaan tergesa-gasa. Ini dapat dibuktikan melalui hasil dapatan yang menunjukkan bahawa 80 peratus responden memberi skor 4 atau 5 iaitu setuju dan sangat setuju pada soalan “Saya mengalami kesukaran mendapatkan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk murid bermasalah pendengaran”. Oleh itu, kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai akan menambahkan beban guru dan akan memberi kesan kepada kualiti penyediaan RPH yang berkualiti.

Pengurusan Masa

Berdasarkan dapatan soal selidik yang dijalankan, data menunjukkan seramai 7 orang responden “sangat setuju” dan 2 orang responden “bersetuju” bahawa kekangan masa merupakan antara faktor terbesar dalam menghasilkan RPH yang berkualiti. Perkara ini dikatakan demikian kerana, masa yang terhad menyebabkan guru-guru mengalami kesukaran dalam merancang, menyemak dan menyesuaikan RPH dengan keperluan murid masalah pendengaran dan secara tidak langsung ini juga mempengaruhi proses penyediaan RPH yang berkualiti. Antara faktor pengurusan masa menjadi faktor utama yang mempengaruhi kualiti RPH adalah disebabkan penglibatan guru dalam pelbagai program atau acara sekolah yang telah ditentukan dan pengalaman yang kurang ada pada guru baharu. “Banyak program sekolah ganggu masa RPH.”. Oleh itu, perkara ini secara tidak langsung memberi kesan akan kualiti RPH yang disediakan.

Sokongan Pentadbiran

Kajian ini juga mendapati bahawa tahap sokongan pentadbiran mempengaruhi kualiti RPH. Perkara ini dinyatakan demikian kerana seramai 7 orang responden “sangat setuju” dan 3 orang responden “bersetuju” bahawa pihak sekolah haruslah memberi sokongan positif kepada guru MBPK. Terdapat tanggapan bahawa pihak pentadbir kurang memahami keperluan pendidikan khas. Salah seorang responden menyatakan, “*Pentadbir lebih fokus murid arus perdana.*”. Hal ini dikatakan demikian kerana sokongan yang positif daripada pihak pentadbiran sekolah haruslah memperuntukkan dana atau bahan bantu mengajar agar dapat membantu guru MBPK dalam menghasilkan RPH yang kualiti, serta meringankan beban guru dari segi kekangan masa dan kewangan. Sehubungan dengan itu, antara faktor guru-guru bersetuju terhadap faktor ini kerana sesetengah pentadbiran sekolah mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang cetek dalam pendidikan khas, hal ini menyebabkan mereka kurang arif mengenai keperluan murid MBPK dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, antara faktor sekolah tidak memberi sokongan kepada MBPK kerana pentadbiran sekolah lebih memberi tumpuan terhadap pencapaian murid aliran perdana sehingga mengabaikan keperluan MBPK dan guru

pendidikan khas. Natijahnya, sokongan pentadbiran penting dan sangat mempengaruhi kualiti RPH MBPK.

Penggunaan bahan teknologi

Alatan atau bahan teknologi mampu membantu meningkatkan keberkesanan RPH namun ia juga boleh menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi kualiti persediaan RPH. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan bahan teknologi yang bersesuaian dengan pendidikan khas terutama dalam masalah pendengaran masih kekurangan di sekolah. Hal ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian yang dilakukan, seramai 6 orang responden bersamaan 60 peratus bersetuju bahawa mereka mengalami kekurangan bahan teknologi yang bersesuaian dengan masalah pendengaran di sekolah. Ini menggambarkan bahawa guru-guru tidak dapat menggunakan perisian atau aplikasi yang boleh menyokong murid bermasalah pendengaran. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa masih terdapat jurang bahan bantu teknologi yang bersesuaian dalam kalangan guru pendidikan khas. Perkara ini mungkin berpunca daripada kekurangan kemudahan di sekolah. Guru berasa kurang bersedia untuk mengaplikasikan teknologi kerana kurang latihan dan ketiadaan perisian yang sesuai. "*Saya tak tahu guna perisian yang sesuai.*" Kesimpulannya, kualiti RPH tidak dapat dipertingkatkan kerana sekolah tidak mempunyai bahan yang mencukupi dan guru tidak mampu menggunakan alat perisian yang bersesuaian di dalam bilik darjah, serta ini juga boleh menyebabkan guru kekurangan kemahiran dalam menggunakan alatan teknologi.

Gabungan dapatan kuantitatif dan kualitatif menunjukkan bahawa isu masa, bahan bantu, latihan guru dan sokongan sistematik merupakan faktor penentu utama terhadap kualiti penyediaan RPH. Walaupun guru menunjukkan komitmen tinggi, kekangan sistemik dan kekurangan sokongan profesional menjejaskan keupayaan mereka merancang pengajaran yang benar-benar responsif kepada keperluan murid bermasalah pendengaran.

Cabaran dalam Penyediaan RPH

Berdasarkan analisis jawapan terbuka daripada responden, beberapa cabaran utama telah dikenal pasti dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) untuk murid bermasalah pendengaran (MBPK). Antara cabaran paling ketara ialah kekangan masa, beban kerja yang tinggi, serta kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai. Ramai guru menyatakan bahawa mereka terpaksa membahagikan masa antara penyediaan RPH dengan pelbagai tugas lain seperti pengurusan pentadbiran, kokurikulum dan tanggungjawab luar bilik darjah. Ada juga responden yang menyebut kekangan kewangan sebagai satu halangan apabila bahan bantu atau perisian yang diperlukan tidak disediakan oleh pihak sekolah dan perlu ditanggung sendiri. Ketidadaan bahan pengajaran yang khusus untuk MBPK memaksa guru mencipta sendiri bahan visual yang sesuai, yang mana ia bukan sahaja memerlukan masa tambahan, malah kemahiran dan kreativiti yang tinggi.

Selain itu, pemilihan kaedah penyampaian yang bersesuaian dengan keperluan MBPK turut menjadi cabaran utama kepada guru MBPK. Hal ini dikatakan demikian kerana, murid-murid ini tidak dapat menerima arahan secara lisan, oleh itu guru perlu menggunakan pendekatan visual yang berkesan serta menguasai bahasa isyarat, ekspresi wajah dan gerak tubuh sebagai medium komunikasi. Sehubungan dengan itu, beberapa orang responden turut menyatakan bahawa mereka mengalami kesukaran untuk memastikan sama ada murid benar-benar memahami arahan atau kandungan pengajaran yang disampaikan dan perkara ini sangat membimbangkan guru-guru. Antara langkah bagi mengatasi masalah ini, guru perlu menekankan penyampaian isi penting secara visual, penggunaan papan putih, serta membaca

reaksi pelajar menerusi ekspresi dan gerak balas mereka. Natijahnya, keadaan ini menunjukkan bahawa penyediaan RPH untuk MBPK bukan sahaja memerlukan perancangan yang teliti dari segi pedagogi, tetapi juga kemahiran komunikasi alternatif yang lebih kompleks serta sokongan profesional yang berterusan.

Sokongan Tambahan yang diperlukan oleh guru dalam meningkatkan kualiti RPH

Berdasarkan dapatan daripada soalan terbuka, responden mengemukakan pelbagai cadangan sokongan tambahan yang boleh membantu meningkatkan kualiti penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Salah satu sokongan paling ketara ialah keperluan terhadap latihan profesional yang berterusan dan khusus, terutamanya dalam bidang pendidikan khas dan pengajaran murid bermasalah pendengaran. Melalui soal selidik yang dijalankan, guru mengharapkan penganjuran bengkel dan kursus yang lebih banyak serta yang dapat memberi fokus kepada teknik merancang RPH yang bersesuaian dan penggunaan bahan bantu mengajar yang efektif. Sehubungan dengan itu, latihan bahasa isyarat juga dikenalpasti sebagai salah satu keperluan utama, hal ini dikatakan demikian kerana, komunikasi yang berkesan menjadi asas dalam membina pemahaman murid. Di samping itu, bimbingan daripada pakar pendidikan khas dan jurubahasa isyarat juga dicadangkan sebagai salah satu bentuk sokongan yang penting bagi meningkatkan kefahaman guru terhadap keperluan sebenar MBPK.

Selain daripada aspek latihan, guru juga perlu menekankan kepentingan dalam menggunakan kemudahan teknologi dan bahan bantu yang lebih interaktif dan mesra visual. Antara cadangan yang dikemukakan adalah penggunaan perisian seperti *Canva*, video pembelajaran, serta visual yang menarik bagi menyesuaikan RPH dengan gaya pembelajaran murid pendengaran terhad. Responden juga menyarankan agar mewujudkan peluang kolaborasi bersama agensi profesional agar guru dapat meningkatkan lagi kefahaman dalam menyediakan RPH yang berkualiti. Antaranya adalah seperti perkongsian atau kolaborasi antara sekolah, perkara ini sangat digalakkan agar guru boleh mendapat pendedahan kepada contoh RPH berkualiti tinggi dan pendekatan pengajaran yang berkesan. Oleh itu, kesemua sokongan yang diberikan oleh guru-guru perlu dilihat dan dipertimbangkan kerana ia mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran serta dapat meningkatkan kemahiran guru dalam merancang RPH yang lebih sistematik, berfokus dan sesuai dengan keperluan MBPK.

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru pendidikan khas menghadapi pelbagai kekangan dalam menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang berkualiti bagi murid bermasalah pendengaran (MBPK). Antara cabaran utama yang dikenal pasti termasuklah kekangan masa, kekurangan latihan profesional khusus, keterbatasan bahan bantu mengajar, tahap penguasaan teknologi yang rendah serta kekurangan sokongan pentadbiran. Dapatan ini secara amnya memperkukuh penemuan lepas, namun terdapat juga aspek yang menyanggah dapatan terdahulu atau menonjolkan keunikan konteks Malaysia.

Sebagai contoh, hasil kajian ini menyokong dapatan Yusri (2017) yang menekankan pentingnya strategi visual dan sokongan teknologi dalam pengajaran MBPK. Begitu juga dengan kajian Rosalina (2020) yang menyatakan bahawa bahan bantu visual sangat penting tetapi sukar diakses oleh guru. Namun begitu, kajian ini melangkaui kajian-kajian terdahulu dengan menyentuh secara langsung kesan beban kerja pentadbiran terhadap pengurusan masa, di mana guru menyatakan bahawa penglibatan berlebihan dalam aktiviti sekolah menyebabkan mereka tidak dapat memberi tumpuan kepada penyediaan RPH. Ini menunjukkan bahawa kekangan masa bukan hanya berpunca daripada kompetensi guru, tetapi juga hasil sistem

sekolah yang kurang mesra keperluan guru MBPK satu dimensi yang kurang disentuh dalam kajian terdahulu.

Dari sudut sokongan pentadbiran, dapatan ini selari dengan Abdullah et al. (2021) yang menekankan bahawa kefahaman pihak pentadbir terhadap keperluan pendidikan khas memainkan peranan penting dalam memberi ruang perancangan, akses bahan bantu, dan kolaborasi profesional. Namun begitu, dalam kajian ini terdapat *pertembungan antara dasar inklusif sekolah dan keutamaan sebenar pentadbiran*, di mana murid arus perdana masih menjadi fokus utama pentadbiran, sehingga marginalisasi guru dan murid MBPK berlaku secara halus (Husin et al., 2023).

Perkaitan dengan Teori Vygotsky dan Model ADDIE

Dapatan kajian ini turut dapat dianalisis melalui lensa Teori Sosio-Konstruktivisme oleh Vygotsky, khususnya konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD). RPH yang disediakan secara tergesa-gesa dan tidak berdasarkan penilaian tahap perkembangan murid menyebabkan proses sokongan dalam ZPD tidak berlaku. Guru tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk merancang aktiviti yang berpandu kepada kekuatan dan had keupayaan murid, malah ada yang gagal mengintegrasikan pendekatan komunikasi visual yang diperlukan. Keadaan ini bercanggah dengan prinsip asas teori Vygotsky, yang menekankan keperluan intervensi pengajaran yang sesuai pada masa yang tepat.

Dalam konteks Model ADDIE, fasa "Analysis" dan "Evaluation" sering diabaikan atau dilakukan secara minimum oleh guru. Kekangan masa dan ketiadaan latihan khusus menyebabkan perancangan lebih tertumpu kepada pematuhan borang RPH semata-mata, bukan kepada reka bentuk pedagogi yang bersifat responsif dan reflektif. Ini menunjukkan bahawa guru masih belum mengaplikasikan model reka bentuk instruksional ini secara menyeluruh. Hal ini dapat difahami dalam konteks sistem pendidikan Malaysia, di mana penekanan kepada penyampaian kandungan dan pematuhan pentadbiran mengatasi amalan refleksi dan reka bentuk pengajaran berasaskan murid.

Impak terhadap Dasar dan Amalan

Dapatan ini membawa implikasi penting terhadap struktur dasar pendidikan khas di Malaysia. Pertama, beban kerja guru MBPK perlu disemak semula agar mereka diberi ruang mencukupi untuk merancang pengajaran yang responsif dan mesra murid. Kedua, latihan profesional berkala yang disesuaikan dengan konteks MBPK termasuk penguasaan bahasa isyarat, reka bentuk visual, dan integrasi teknologi perlu diperkasakan. Ketiga, budaya sekolah yang inklusif perlu diterjemahkan bukan sekadar dalam dasar, tetapi dalam pengurusan harian dan keutamaan sumber oleh pihak pentadbiran. Tanpa transformasi sistemik ini, kualiti RPH akan terus menjadi cabaran kepada guru, dan seterusnya menjejaskan pembelajaran murid pekak yang sepatutnya dibela.

Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti lima faktor utama yang mempengaruhi kualiti penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi murid bermasalah pendengaran (MBPK), iaitu kekurangan latihan profesional, keterbatasan bahan bantu mengajar, kekangan masa, tahap penguasaan teknologi yang rendah, dan kurangnya sokongan pentadbiran. Dapatan ini menggambarkan bahawa penyediaan RPH yang efektif bukan hanya bergantung kepada kemahiran individu guru, tetapi juga melibatkan sistem sokongan institusi yang menyeluruh.

Bagi guru pendidikan khas, kajian ini menekankan keperluan untuk meningkatkan kemahiran dalam perancangan pengajaran visual, integrasi teknologi yang mesra MBPK, serta penguasaan bahasa isyarat dan komunikasi bukan verbal. Guru juga digalakkan untuk mengamalkan refleksi berterusan dalam penyediaan RPH dan melibatkan rakan kolaborasi sebagai sumber sokongan.

Bagi pembuat dasar dan pentadbir sekolah, penemuan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk menyediakan modul latihan berasaskan kompetensi khusus MBPK, memperuntukkan masa perancangan RPH secara rasmi, serta mewujudkan sistem bimbingan rakan sejawat (peer mentoring) dalam kalangan guru pendidikan khas. Dasar sokongan pentadbiran perlu bergerak daripada hanya retorik inklusif kepada amalan sokongan yang nyata contohnya, memberikan keutamaan peruntukan sumber kepada kelas MBPK setara dengan arus perdana.

Dalam konteks pembangunan bahan, kajian ini mencadangkan agar satu modul RPH visual berasaskan strategi komunikasi dua hala dan alat bantu visual dibangunkan dan diuji keberkesannya dalam kajian eksperimental atau reka bentuk pembangunan masa depan.

Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Kajian ini membuka ruang untuk beberapa penyelidikan susulan yang berpotensi memperkukuh amalan perancangan pengajaran dalam pendidikan khas. Antaranya ialah kajian tindakan guru (action research) yang dapat menilai impak pengubahsuaian RPH terhadap kefahaman murid bermasalah pendengaran (MBPK) dalam topik-topik pengajaran tertentu. Di samping itu, kajian kuasi-eksperimen juga wajar dijalankan bagi menguji keberkesanan pembangunan modul RPH berasaskan visual terhadap pencapaian pembelajaran MBPK. Kajian perbandingan antara sekolah bandar dan luar bandar turut penting dalam meneliti jurang dari segi ketersediaan teknologi pendidikan serta peluang latihan profesional dalam kalangan guru pendidikan khas. Selain itu, kajian longitudinal boleh dilaksanakan untuk meneliti secara berterusan perubahan dalam amalan penyediaan RPH selepas guru menjalani intervensi latihan atau sokongan profesional tertentu.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada literatur pendidikan khas dengan menekankan bahawa RPH bukan sekadar dokumen perancangan, tetapi merupakan instrumen pedagogi kritikal yang perlu dirancang secara responsif, reflektif dan inklusif, khususnya dalam memenuhi keperluan kompleks murid pekak dalam sistem pendidikan masa kini.

Penghargaan

Ucapan terima kasih ditujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah, para guru, dan murid yang terlibat dalam kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan sepanjang pelaksanaan kajian ini.


Rujukan




- Ab Manaf, N. A. (2023). Keberkesanan pengajaran guru menggunakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berasaskan pembelajaran aktif dalam meningkatkan pemikiran lestari murid Pendidikan Moral terhadap alam sekitar (Doctoral dissertation). <https://erepo.usm.my/handle/123456789/18743>
- Abdullah, N. H. L., Ibrahim Mukthar, M., Mohd Jamil, S. F., Paimin, A. N., & Mohamed, M. (2021). Persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pendidikan khas di Malaysia. *Sains Insani*, 6(1), 113–120. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.260>
- Alias, A., & Mohamad Suhaimi, N. A. (2022). Pengetahuan guru pendidikan khas terhadap bahan bantu mengajar visual, auditori dan kinestetik yang sesuai terhadap murid berkeperluan khas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001526. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1526>
- Che Isa, Z., & Hj Azid Aziz, N. (2016). Pembinaan dan penilaian Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berasaskan lapan prinsip pembelajaran berasaskan projek (PBL) bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu: Kajian di Malaysia. *Proceedings of The ICECRS*, 1(1). <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.644>
- D, C. P., Scribner, S., Souberman, E., Cole, M., Vygotsky, L. S., John-Steiner, V., & Wertsch, J. V. (1979). L. S. Vygotsky: Mind in society. The development of higher psychological processes. *The American Journal of Psychology*, 92(1), 166. <https://doi.org/10.2307/1421493>
- Husin, M. R., Mohamad Razman, N. A., Rosle, A. F., Mohamad Hassan, F. S., Abd Rahman, N., Malik, S. F., Nor Rahmat, A. F., Abiraham, M. A., Haziqah Suhaili, U. S., Khairulanuar, N. B. S., Hassan Basari, N. H., & Mat Nawati, F. S. (2023). Strategi dan teknik PdPc bagi mengendalikan murid berkeperluan khas ketidakupayaan pendengaran dalam pendidikan inklusif. *Journal of Humanities and Social Sciences (JHASS)*, 5(2), 75–87. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0502.550>
- Kanwal, A., Bashir, R., & Batool, R. (2024). Contextual factors influencing the implementation of primary special education program for deaf students: A qualitative study. *Journal of Business and Social Review in Emerging Economies*, 10(2), 2951. <https://doi.org/10.26710/jbsee.v10i2.2951>
- Maithya, P., Milimu, L., & Nixon, I. (2024). Effect of trained teachers in special needs education on academic performance of their students with hearing impairments at Karen Technical Training Institute for the Deaf. *International Journal of Education Humanities and Social Science*, 7(3), 438–447. <https://doi.org/10.54922/IJEHSS.2024.0723>
- Majid, N. B., & Abdul Majid, R. B. (2022). Kesiediaan guru pendidikan khas pembelajaran dalam pelaksanaan pengajaran abad ke-21 (PAK-21). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 240–250. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1252>
- Mind in society. By L. S. Vygotsky. (Pp. 160; £3.00.) Harvard University Press: London. 1981. (1981). *Psychological Medicine*, 11(4), 866. <https://doi.org/10.1017/s0033291700041507>
- Mohamad Salleh, N., & Jusimin, S. (2022). Pelaksanaan Dasar Sifar Penolakan, bersediakah guru sekolah pendidikan khas? *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001499. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1499>
- Mohd Tajuddin, N., & Shaffeei, K. (2023). Kesiediaan guru pendidikan khas dalam pelaksanaan program transisi kerjaya. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 1–14. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.1.2023>

- Mulfajril, R., Hadiyanto, H., & Sofyan, H. (2023). Penggunaan media visual dalam pembelajaran kelas 1 sekolah dasar. *Jurnal Pendidikan Tematik Dikdas*, 8(1), 40–55. <https://doi.org/10.22437/jptd.v8i1.25196>
- Rosalina, R. (2020). Penggunaan media audio visual dalam meningkatkan historical thinking melalui model kontekstual. *Center for Open Science*. <https://doi.org/10.35542/osf.io/e7bps>
- Roslin, N. B., & Salleh, N. M. (2021). Penggunaan M-learning sebagai bahan bantu pengajaran dalam kelas pendidikan khas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(5), 53–63. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i5.781>
- Saputri, D. (2023). Pentingnya peran guru profesional dalam meningkatkan pendidikan. *Center for Open Science*. <https://doi.org/10.31219/osf.io/kwu47>
- Subehan, S., Rahman, H., & Syamsir, S. (2022). Pengaruh masa kerja dan beban kerja terhadap profesionalisme guru. *Jurnal Al-Ilmi: Jurnal Riset Pendidikan Islam*, 2(2), 40–62. <https://doi.org/10.47435/al-ilmi.v2i2.943>
- Villarente, S. V. D., & Donayre, S. M. (2025). Best practices of the regular teachers handling students with hearing impairments. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(3), 1474–1485. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90300115>
- Yusri, N. I. (2017). Pelaksanaan literasi visual dalam pengajaran dan pembelajaran. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 66–71. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.7.2017>
- Zaharudin, R., & Lee, L. W. (2022). Teknologi bantuan untuk murid berkeperluan khas. Penerbit USM.

Lampiran


Pautan google form: <https://forms.gle/HgJapVRMdd4Zqscu7>






Jenis sekolah:

10 responses



Saya kekurangan masa dalam menyediakan RPH yang berkualiti.

10 responses



Saya kekurangan latihan professional dalam menghasilkan RPH yang berkualiti bagi keperluan murid bermasalah pendengaran.

10 responses

